



PRIVACY NOTICE

1.0 General

Affin Bank Berhad, Affin Islamic Bank Berhad and Affin Hwang Investment Bank Berhad (among others) are entities within AFFIN Group. At AFFIN Group we value your privacy and strive to protect your personal information in compliance with the laws of Malaysia.

AFFIN Group will only collect and use your personal information in accordance with such laws (including the Personal Data Protection Act 2010), this Privacy Notice and/or the privacy terms in any agreement(s) that you may have or will enter into with any of the entities within AFFIN Group.

This Privacy Notice explains:

- a. What kind of personal information we collect
- b. Why and how we collect your personal information
- c. How we use your personal information
- d. Disclosure of your personal information to third parties, disclosure for direct marketing purposes as well as disclosure in exceptional situations
- e. Security of your personal information and how to retain your personal information
- f. The choices we offer, including how to access, update your personal information and enquiries or complaints regarding your personal information

For the purposes of this Privacy Notice, please note that:

- a. "AFFIN Group" refers to Affin Bank Berhad (ABB), Affin Islamic Bank Berhad (AIBB), Affin Hwang Investment Bank Berhad (AHIBB), its wholly owned subsidiaries, related corporations and/or associates or any relevant individual entities within AFFIN Group.
- b. "Personal information" refers to any information which relates directly or indirectly to you and/or your transactions with us. This information includes your name, address, occupation, contact details, the details of your account(s), the type of products and/or services subscribed to and such other necessary information regarding yourself and your transaction(s) with us. For the avoidance of doubt, please note that this Privacy Notice is applicable only if you are an individual.

By providing to us your personal information, you hereby consent to the processing of your personal information in accordance with this Privacy Notice.

If you are act on behalf of companies and/or organisations supplying personal information of your officers, employees, authorized signatories, directors, partners, individual shareholders, individual guarantors, individual security providers, suppliers/vendors and/or related parties ("said individuals") to us, you have warranted that their consent have been obtained and have highlighted this Privacy Notice to the attention of relevant said individuals respectively.

2.0 Why and how we collect your personal information

In order to enable us to deal with your inquiries, open and operate an account or facility for you and/or provide you with our products and/or services, we may need to and/or may be required to collect, record, hold, use, disclose and store (i.e. "process") personal and financial information for identification, authentication and validation purpose.

always about **you**

t \ 03-2302 1000 w \ AffinGroup.com a \ Level 19, Menara AFFIN, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

AFFIN BANK BERHAD 197501003274 (25046-T) • AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD 200501027372 (709506-V)
AFFIN HWANG INVESTMENT BANK BERHAD 197301000792 (14389-U)



We may obtain this information from yourself and from a variety of sources, including but not limited to:

- a. through your relationship with us, for example information provided by you in application forms, when using our products and/or services, when taking part in customer surveys, competitions and promotions, and during financial reviews;
- b. through your verbal and written communication with us and/or our authorized agents;
- c. from third parties connected with you, such as employers, security providers (e.g. pledgors) or guarantors, subject to your prior consent;
- d. from an analysis of the way you use and manage your account(s) or facility(ies) with us, from the transactions you make and from the payments which are made to or from your account(s) or facility(ies); and/or
- e. from such other sources in respect of which you have given your consent to disclose information relating to you and/or where not otherwise restricted.

3.0 How we use your personal information

Other than as stated above, we may use your personal information for any of the following purposes by entities within AFFIN Group (where necessary):

- a. to establish personal identification and background for applicant processing;
- b. to verify your financial standing through credit reference checks;
- c. to manage and maintain your account(s) and facility(ies) with us;
- d. to manage our business and your relationship with us;
- e. to better understand your current and future financial needs and financial situation;
- f. to provide you with information on our and/or third party products, services and/or offers that may be of interest to you;
- g. to improve our products and/or services and to develop new products and/or services;
- h. to notify you about benefits and changes to the features of products and/or services;
- i. to administer offers, competitions and promotions;
- j. to respond to your enquiries and complaints;
- k. to update, consolidate and improve the accuracy of our records;
- l. to produce data, reports and statistics that have been anonymized or aggregated in a manner that does not identify you as an individual;
- m. to conduct research for analytical purposes including but not limited to data mining and analysis of your transactions with us;
- n. to meet the disclosure requirements including reporting of any law binding on AFFIN Group;
- o. for audit, compliance and risk management purposes;
- p. to assess financial risks;
- q. to transfer or assign our rights, interests and obligations under any of your agreement(s) with us;
- r. to protect or enforce our rights to recover any debt owing to us;
- s. to conduct regulatory checks (e.g. Anti-Money Laundering or Foreign Exchange Policy Notices, etc);
- t. for crime detection, prevention and prosecution;
- u. for any other purpose that is required or permitted by any law, regulations and/or guidelines; and/or
- v. for any other purposes relating to or in connection with the business or dealings of AFFIN Group.

4.0 Disclosure of your personal information to third parties

As a part of providing you with our products and/or services and the management and/or operation of the same, we may disclose your personal information (to the extent necessary) to the following third parties:

- a. companies and/or organisations that act as our strategic partners, agents, professional advisers and/or any other parties that we may have business or dealings with;
- b. companies and/or organisations that assist us in processing and/or otherwise fulfilling transactions that you have requested;

always about **you**

- c. companies and/or organisations that assist us in providing value added services that you have requested;
- d. your advisers (including but not limited to accountants, valuers, adjustors, auditors, lawyers, financial advisers or other professional advisers) where authorised by you;
- e. parties authorized and consented to, by you (case to case basis, subject to entities within AFFIN Group approval);
- f. any third party as a result of any restructuring of facilities granted to you or the sale of debts, or the acquisition or sale of any entities within AFFIN Group, provided that any recipient uses your information for the same purposes as it was originally supplied to us and/or used by us;
- g. any third party participating or otherwise involved in the due diligence exercise approved by the board of the financial institution in connection with merger and acquisition, capital rising exercise or sale of assets or whole or part of business;
- h. any guarantors of security providers for the facility(ies) granted by us to you;
- i. any rating agency, takaful provider or insurer or insurance broker or takaful broker or direct or indirect provider of credit protection;
- j. any financial institutions, merchants, VISA International Services Association, MasterCard International Incorporated and other card associations in relation to any credit card and/or debit card issued to you by us;
- k. any person connected to the enforcement or preservation of any of our rights under your agreement(s) with us;
- l. any investigating officer authorised under the written law to investigate or any officer authorised to carry out prosecution or any court;
- m. any officer of the Inland Revenue Board of Malaysia authorised to receive the documents or information; and/or
- n. regulatory bodies such as Bank Negara Malaysia, Securities Commission, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Derivatives Berhad, clearing house and other regulatory bodies which have oversight over us and our activities.

All parties mentioned in the clause above may in turn disclose your personal information to companies within their group of companies, their affiliates and directors, shareholders, employees of such companies and affiliates, their professional advisers, service providers, strategic partners, regulators and other parties on a “need to know basis” who or which may have business or dealings with them.

The above shall be subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to the entities within AFFIN Group.

5.0 Disclosure of your personal information for direct marketing purposes

Additionally, the entities within AFFIN Group may contact you about products, services and offers, which we believe may be of interest to you or benefit you financially.

You may tell us at any time if you do not wish to receive marketing communications from the entities within AFFIN Group by writing to the servicing branch. Your latest written instructions to us will prevail.

Please take note that certain communication such as statements of account and our websites contain standard information regarding our other products and/or services that cannot be removed without affecting the delivery or provision of our products and/or services, the operation of your account(s) and/or facility (ies) with us, and/or additional costs to you.

As for our third-party merchants or strategic partners, we will only contact you if you provided consent to opt-in for direct marketing purposes of products and/or services.



6.0 Disclosure of your personal information in exceptional situations

Save as set out above, we will otherwise treat your personal information as private and confidential and will not disclose your information to anyone outside the entities within AFFIN Group except in any of the following situations:

- a. when you have given permission;
- b. when we are required or permitted to do so by law;
- c. when required or authorised by any order of court, tribunal or authority, whether governmental or quasi-governmental with jurisdiction over the entities within AFFIN Group;
- d. when we may transfer rights and obligations under this agreement; and/or
- e. when we are required to meet our obligations to any relevant regulatory authority.

7.0 Security of your personal information

AFFIN Group places great importance on ensuring the security of your personal information. We regularly review and implement up-to-date technical and organisational security measures when processing your personal information.

Employees of AFFIN Group are trained to handle your personal information securely and with strict confidentiality, failing which they may be subject to disciplinary action.

We also impose compliance with this Privacy Notice on our agents, third party merchants or strategic partners, third party service providers, consultants and professional advisors. This serves to ensure that your personal information is safeguarded from unauthorized or accidental loss, misuse, modification, disclosure or destruction.

8.0 Retention of your personal information

AFFIN Group will retain your personal information in compliance with this Privacy Notice and/or the terms and conditions of your agreement(s) with entities within AFFIN Group:

- a. for the duration of your relationship with us;
- b. for such period as permitted by law to protect the interests of AFFIN Group and/or our customers notwithstanding that your relationship with us has ended or terminated;
- c. where otherwise required by the law; and/or
- d. where required by AFFIN Group's relevant policies.

9.0 What if your personal information provided by you is incomplete?

Where indicated, it is obligatory to provide your personal information to us to enable us to process your application for our products and/or services. Should you decline to provide such obligatory personal information, we may not be able to process your application or request or provide you with our products and/or services.

You need to update us if there are any changes in your personal information otherwise the latest personal information collected from you shall be applicable.

10.0 Your rights to access and correct your personal information

We can assist you to access and correct your personal information provided to us. You may have access to your personal information under the possession of relevant individual entities within AFFIN Group by making a request via the access request form available at any of our branches.

always about **you**



Please note that any relevant individual entities within AFFIN Group may have to withhold access to your personal information in certain situations, for example when we are unable to confirm your identity or where information requested for is of a confidential commercial nature or in the event we receive repeated requests for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reasons for not being able to accede to your request.

Where your data access request is successful and you are of the opinion that such personal information held by us is inaccurate, incomplete, misleading or where relevant, not up-to-date, you may make a request to correct such personal information.

You can also assist us to keep your personal information (such as your current mailing address) up to date, as it will enable us to serve you better.

In the event you wish to correct or update your personal information previously provided to us, please write in or notify us at the address provided below. We will, on a best effort basis correct your personal information within twenty-one (21) days of receiving your written request.

For securities trading clients, if you wish to correct or update your personal information previously provided to us, please come personally to any AHIBB's stockbroking branches to submit your written request to correct or update your personal information in order to avoid inaccuracy and fraudulent amendments. As for other clients, please liaise with the officer in charge of your account or facility with us.

Please note that any relevant individual entities within AFFIN Group may use its discretion in allowing the correction or update requested or may require further documentary evidence of the new information to avoid fraud and inaccuracy.

11.0 Exercising your choices in respect of the disclosure and the use of your personal information

Subject always to our contractual rights and obligations under relevant laws and regulations; you may exercise your choice in respect of the disclosure, retention and use of your personal information by AFFIN Group. Should you wish to do so, kindly contact and/or write to the Branch Manager of the servicing branch or the relevant office of the entities under AFFIN Group or our Contact Centre as follows:

Contact Centre Team Leader
3rd Floor, Block C, Menara Glomac
Kelana Business Centre
97, Jalan SS7/2
47301 Kelana Jaya, Selangor
Tel: +603 - 8230 2222

12.0 Enquiries or complaints regarding your personal information

Should you have any query, concerns or complaints in relation to this Privacy Notice or how we handle your personal information, kindly contact the abovementioned personnel.

13.0 Revisions to the Privacy Notice

This Privacy Notice may be reviewed or revised and/or amended from time to time. The revised Privacy Notice will be posted on our website at www.affingroup.com or www.affinhwang.com and/or communicated to you via any other means of communication deemed suitable by us. If you continue to use our products and/or services, you shall be deemed to have agreed to accept such changes.

AFFIN Group **PN – July 2023**

always about **you**

t \ 03-2302 1000 w \ AffinGroup.com a \ Level 19, Menara AFFIN, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

AFFIN BANK BERHAD 197501003274 (25046-T) • AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD 200501027372 (709506-V)
AFFIN HWANG INVESTMENT BANK BERHAD 197301000792 (14389-U)

NOTIS PRIVASI

1.0 Umum

Affin Bank Berhad, Affin Islamic Bank Berhad dan Affin Hwang Investment Bank Berhad adalah (di antara yang lain) entiti di bawah Kumpulan AFFIN. Di Kumpulan AFFIN, kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia.

Kumpulan AFFIN hanya akan mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda mengikut undang-undang berkenaan (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), Notis Privasi ini dan/atau terma privasi dalam mana-mana perjanjian yang anda mungkin telah atau akan meterai dengan mana-mana entiti di bawah Kumpulan AFFIN.

Notis Privasi ini menerangkan:

- a. Apakah jenis maklumat peribadi yang kami kumpulkan
- b. Mengapa dan bagaimana kami mengumpul maklumat peribadi anda
- c. Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda
- d. Pendedahan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga, pendedahan untuk tujuan pemasaran langsung serta pendedahan dalam situasi berkecuali
- e. Keselamatan ke atas maklumat peribadi anda dan cara penyimpanan maklumat peribadi anda
- f. Pilihan yang kami tawarkan, termasuk cara mengakses, mengemaskinikan maklumat peribadi anda dan pertanyaan atau aduan berkenaan maklumat peribadi anda

Bagi tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- a. "Kumpulan AFFIN" merujuk kepada Affin Bank Berhad (ABB), Affin Islamic Bank Berhad (AIBB), Affin Hwang Investment Bank Berhad (AHIBB), anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan/atau mana-mana entiti yang berkaitan di bawah Kumpulan AFFIN.
- b. "Maklumat peribadi" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama anda, alamat, pekerjaan, butiran untuk menghubungi anda, butiran akaun anda, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan dan apa-apa maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami. Untuk mengelakkan keraguan, sila ambil perhatian bahawa Notis Privasi ini hanya digunapakai jika anda seorang individu.

Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, anda dengan ini bersetuju dengan pemprosesan maklumat peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini.

Sekiranya anda bertindak bagi pihak syarikat dan/atau organisasi yang membekalkan maklumat peribadi para pegawai, pekerja, penandatangani yang diberi kuasa, pengarah, rakan kongsi, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak berkaitan ("individu tersebut") kepada kami, anda telah mewarankan bahawa persetujuan mereka telah diperolehi dan telah mengemukakan Notis Privasi ini untuk perhatian setiap individu yang berkaitan.

2.0 Mengapa dan bagaimana kami mengumpul maklumat peribadi anda

Untuk membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun atau fasiliti untuk anda dan/atau untuk secara amnya memberikan anda produk dan/atau perkhidmatan kami, kami bermungkinan perlu dan/atau kemungkinan diperlukan untuk mengumpul, merekod, memegang, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi dan kewangan bagi tujuan pengenalpastian, kesahihan dan pengesahan.

Kami mungkin akan mendapatkan maklumat-maklumat ini daripada anda dan daripada pelbagai sumber lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. melalui hubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan, apabila menggunakan produk dan/atau perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan dan promosi, dan semasa semakan kewangan;
- b. melalui komunikasi lisan dan bertulis anda dengan kami dan/atau ejen yang diberi kuasa oleh kami;
- c. daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan, pembekal sekuriti (contoh: penjamin sekuriti), penjamin, tertakluk kepada persetujuan anda;
- d. dari analisa cara anda menggunakan dan mengurus akaun atau fasiliti anda dengan kami, dari transaksi yang anda buat dan dari bayaran yang dibuat kepada atau daripada akaun atau fasiliti anda; dan/atau
- e. daripada sumber lain yang berkenaan yang anda telah berikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau ia sebaliknya tidak dihadkan.

3.0 Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda

Selain dari yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk mana-mana tujuan berikut oleh entiti di dalam Kumpulan AFFIN (jika perlu):

- a. untuk menjalankan pengenalpastian peribadi dan latar belakang pemohon untuk tujuan pemrosesan permohonan;
- b. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui pemeriksaan rujukan kredit;
- c. untuk mengurus dan mengekalkan akaun dan fasiliti anda dengan kami;
- d. untuk menguruskan perniagaan kami dan perhubungan anda dengan kami;
- e. untuk lebih memahami keperluan dan keadaan kewangan semasa anda dan yang akan datang;
- f. untuk menyediakan anda dengan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan/atau tawaran pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda;
- g. untuk memperbaiki produk dan/atau perkhidmatan kami dan untuk membangunkan produk dan/atau perkhidmatan yang baru;
- h. untuk menghubungi anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri produk dan/atau perkhidmatan;
- i. untuk menguruskan tawaran, pertandingan dan promosi;
- j. untuk membalas pertanyaan dan aduan anda;
- k. untuk mengemaskini, menyelaraskan dan memperbaiki ketepatan rekod kami;
- l. untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah dikumpulkan tanpa maklumat peribadi atau diagregat dengan cara yang tidak mengidentifikasikan anda sebagai seorang individu;
- m. untuk menjalankan penyelidikan untuk tujuan analitik termasuk tetapi tidak terhad kepada perlombongan data dan analisis transaksi anda dengan kami;
- n. untuk memenuhi keperluan pendedahan termasuk laporan seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang yang mengikat Kumpulan AFFIN;
- o. untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- p. untuk menilai risiko-risiko kewangan;
- q. untuk memindah atau menyerahkan hak, faedah dan tanggungjawab kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- r. untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami untuk mendapatkan kembali sebarang hutang yang terhutang kepada kami;



AFFIN

- s. untuk menjalankan pemeriksaan kawal selia (contoh: Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau Notis Dasar Pertukaran Asing, dan sebagainya);
- t. untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah;
- u. untuk apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan; dan/atau
- v. untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan perniagaan atau urusan Kumpulan AFFIN.

4.0 Pendedahan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda dan pengurusan dan/atau operasi berkenaan dengannya, kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda (setakat yang perlu) kepada pihak – pihak ketiga seperti berikut:

- a. syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai rakan kongsi strategik, ejen, penasihat profesional dan/atau mana-mana pihak lain yang kami mungkin ada perniagaan atau urusan bersama;
- b. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam memproses dan/atau sebaliknya bagi memenuhi transaksi yang anda minta;
- c. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang anda minta;
- d. penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, penilai, pentaksir, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional yang lain) di mana kebenaran diberikan oleh anda;
- e. pihak yang diberi kuasa dan dipersetujui, oleh anda (bergantung kepada keadaan, tertakluk kepada kelulusan oleh entiti di bawah Kumpulan AFFIN);
- f. mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh penstrukturan semula fasiliti yang diberikan kepada anda atau penjualan hutang, atau pemerolehan atau penjualan mana-mana entiti dalam Kumpulan AFFIN, dengan syarat bahawa mana-mana penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama ia pada asalnya dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- g. mana-mana pihak ketiga yang mengambil bahagian atau sebaliknya terlibat dalam pelaksanaan usaha wajar yang diluluskan oleh lembaga institusi kewangan berkaitan dengan penggabungan dan pemerolehan, pelaksanaan peningkatan modal atau penjualan aset atau secara keseluruhan atau sebahagian perniagaan;
- h. sebarang penjamin kepada pemberi sekuriti untuk fasiliti yang diberikan oleh kami kepada anda;
- i. mana-mana agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans atau pembekal perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- j. mana-mana institusi kewangan, peniaga, Persatuan Perkhidmatan Antarabangsa VISA, *MasterCard International Incorporated* dan persatuan kad lain yang berhubung dengan mana-mana kad kredit dan/atau kad debit yang dikeluarkan kepada anda oleh kami;
- k. mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami;
- l. mana-mana pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk menyiasat atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan atau mana-mana mahkamah;
- m. mana-mana pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat tersebut; dan/atau
- n. badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Derivatives Berhad, pusat penjelasan dan badan kawal selia yang lain yang mempunyai penyeliaan ke atas kami atau aktiviti-aktiviti kami.

always about **you**

t \ 03-2302 1000 w \ AffinGroup.com a \ Level 19, Menara AFFIN, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

AFFIN BANK BERHAD 197501003274 (25046-T) • AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD 200501027372 (709506-V)
AFFIN HWANG INVESTMENT BANK BERHAD 197301000792 (14389-U)

Semua pihak yang disebut dalam fasal di atas bermungkinan akan mendedahkan maklumat peribadi anda kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat mereka, sekutu-sekutu dan para pengarah mereka, pemegang-pemegang saham, para pekerja syarikat berkenaan dan sekutu-sekutu, para penasihat profesional, para pembekal perkhidmatan, rakan-rakan strategik, pihak pengawal selia dan pihak-pihak lain berdasarkan pada "asas perlu tahu" yang mana pihak-pihak ini mungkin mempunyai perniagaan atau urusan dengan mereka.

Perkara di atas adalah tertakluk pada setiap masa kepada undang-undang (termasuk peraturan, standard, garis panduan dan/atau obligasi) berkaitan dengan entiti di bawah Kumpulan AFFIN.

5.0 Pendedahan maklumat peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung

Seterusnya, setiap entiti di bawah Kumpulan AFFIN bermungkinan akan menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin menarik perhatian anda atau memberi manfaat kepada anda.

Anda boleh memberitahu kami pada bila-bila masa sekiranya anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran daripada kami, daripada mana-mana entiti di bawah Kumpulan AFFIN dengan menulis kepada cawangan kami di mana akaun anda dibuka. Arahan bertulis terkini yang anda berikan kepada kami akan diguna pakai.

Sila ambil perhatian bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan/atau perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran atau penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami kepada anda, operasi akaun dan/atau kemudahan anda dengan kami, dan/atau kos tambahan yang dikenakan ke atas anda.

Namun demikian berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga atau rakan kongsi strategik kami, kami hanya akan menghubungi anda jika anda memberi persetujuan untuk membenarkan bagi tujuan pemasaran langsung produk dan/atau perkhidmatan.

6.0 Pendedahan maklumat peribadi anda dalam situasi berkecuali

Selain dari seperti yang dinyatakan di atas, kami akan mengendalikan maklumat peribadi anda sebagai sulit dan peribadi dan tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa dari luar entiti di bawah Kumpulan AFFIN kecuali:

- a. di mana anda telah memberi kebenaran;
- b. di mana kami diperlukan atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- c. di mana yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas entiti di bawah Kumpulan AFFIN;
- d. di mana kami mungkin memindahkan hak dan obligasi di bawah perjanjian ini; dan/atau
- e. di mana kami diperlukan untuk memenuhi obligasi kami kepada mana-mana pihak pengawal selia yang berkenaan.

7.0 Keselamatan maklumat peribadi anda

Kumpulan AFFIN meletakkan kepentingan yang utama untuk memastikan keselamatan maklumat peribadi anda. Kami akan dari semasa ke semasa mengkaji semula dan melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini apabila memproses maklumat peribadi anda.

Pekerja-pekerja Kumpulan AFFIN adalah dilatih untuk mengendalikan maklumat peribadi anda dengan selamat dan dengan kerahsiaan yang ketat, di mana kegagalan membuat demikian mereka akan tertakluk kepada tindakan disiplin.

Kami juga mengenakan pematuhan kepada Notis Privasi ini ke atas ejen-ejen, peniaga pihak ketiga atau rakan kongsi strategik, pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga, konsultan-konsultan dan penasihat-penasihat profesional kami. Ini adalah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda dijaga daripada kehilangan, penyalahgunaan, perubahan, pendedahan atau kemusnahan tanpa kebenaran dan tidak disengajakan.

8.0 Penyimpanan maklumat peribadi anda

Kumpulan AFFIN akan menyimpan maklumat peribadi anda berdasarkan pematuhan kepada Notis Privasi ini dan/atau terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian anda bersama entiti di bawah Kumpulan AFFIN:

- a. untuk tempoh hubungan anda bersama kami;
- b. untuk tempoh setakat diperlukan untuk melindungi kepentingan-kepentingan Kumpulan AFFIN dan/atau pelanggan-pelanggan walaupun hubungan anda bersama kami telah tamat atau ditamatkan;
- c. apabila diperlukan berdasarkan undang-undang; dan/atau
- d. apabila diperlukan berdasarkan polisi Kumpulan AFFIN yang relevan.

9.0 Bagaimana jika maklumat peribadi yang anda berikan adalah tidak lengkap?

Di mana ia dinyatakan, ia adalah wajib untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada kami bagi membolehkan kami memproses permohonan anda untuk produk dan/atau perkhidmatan kami. Jika anda enggan memberikan maklumat peribadi yang diwajibkan tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan atau permintaan anda atau membekalkan anda dengan produk dan/atau perkhidmatan kami.

Anda perlu memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat peribadi anda, jika tidak, maklumat peribadi anda terkini yang dikemukakan oleh anda adalah digunapakai.

10.0 Hak anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda

Kami boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami. Sila ambil maklum bahawa anda boleh mengakses maklumat peribadi anda di bawah pemilikan entiti yang berkaitan di bawah Kumpulan AFFIN dengan membuat permintaan melalui Borang Permintaan Akses yang boleh didapati di mana-mana cawangan kami.

Sila ambil perhatian bahawa mana-mana entiti yang berkaitan di bawah Kumpulan AFFIN mungkin perlu menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda akan sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Jika permintaan mengakses data anda berjaya dan anda berpendapat bahawa maklumat peribadi yang dipegang oleh kami tersebut adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika berkaitan, bukan terkini, anda boleh membuat permintaan untuk membetulkan maklumat peribadi tersebut.

Anda juga boleh membantu kami untuk memastikan maklumat peribadi anda (seperti alamat surat-menyurat terkini anda) dikemaskini, kerana ia akan membolehkan kami melayani anda dengan lebih baik.

Sekiranya anda ingin membetulkan atau mengemaskinkan maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami sebelum ini, sila tulis atau maklumkan kepada kami di alamat yang disediakan di bawah. Kami akan berusaha secara munasabah untuk membetulkan maklumat peribadi anda dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan permintaan bertulis anda.



Untuk pelanggan perdagangan sekuriti, sekiranya anda ingin membetulkan atau mengemaskini maklumat peribadi anda yang terdahulunya diberikan kepada kami, sila hadir secara peribadi ke mana-mana cawangan broker saham AHIBB untuk membuat permintaan bertulis bagi membetulkan atau mengemaskini maklumat peribadi anda untuk mengelakkan sebarang pembedahan atau kemaskini yang tidak tepat dan palsu. Bagi pelanggan lain, sila berhubung dengan pegawai yang menjaga akaun atau kemudahan anda dengan kami.

Sila ambil perhatian bahawa mana-mana entiti yang berkaitan di bawah Kumpulan AFFIN mungkin menggunakan budi bicaranya dalam membenarkan pembedahan atau pengemaskinian yang dipinta atau mungkin memerlukan dokumen keterangan yang lanjut mengenai maklumat baru tersebut bagi mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan.

11.0 Membuat pilihan berkaitan pendedahan dan penggunaan maklumat peribadi anda

Sentiasa tertakluk kepada hak dan obligasi kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan; anda boleh membuat pilihan yang diperuntukan kepada anda berkenaan dengan pendedahan, penyimpanan dan penggunaan maklumat peribadi anda oleh Kumpulan AFFIN. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi dan/atau membuat permintaan bertulis kepada Pengurus Cawangan di mana akaun anda dibuka atau pejabat berkaitan dengan entiti di bawah Kumpulan AFFIN atau Pusat Perhubungan kami seperti berikut:

Ketua Bahagian Pusat Perhubungan
Level 3, Blok C, Menara Glomac
Kelana Business Centre
97, Jalan SS7/2
47301 Kelana Jaya, Selangor
Tel: 03 - 8230 2222

12.0 Pertanyaan atau aduan berkenaan maklumat peribadi anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, masalah atau aduan berkaitan dengan Notis Privasi ini atau cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi kakitangan yang disebut di atas.

13.0 Penyemakan semula Notis Privasi

Notis Privasi ini barangkali akan disemak semula dan/atau dipinda dari semasa ke semasa. Notis Privasi yang terkini akan dilampirkan di dalam laman web kami www.affingroup.com atau www.affinhwang.com dan/atau akan dimaklumkan kepada anda melalui kaedah komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh kami. Sekiranya anda terus menggunakan produk dan/atau perkhidmatan kami, anda akan dianggap telah bersetuju kepada perubahan tersebut.

Notis Privasi Kumpulan AFFIN – Julai 2023

always about **you**

t \ 03-2302 1000 w \ AffinGroup.com a \ Level 19, Menara AFFIN, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

AFFIN BANK BERHAD 197501003274 (25046-T) • AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD 200501027372 (709506-V)
AFFIN HWANG INVESTMENT BANK BERHAD 197301000792 (14389-U)